EDDIE LEE KIM TAK & YANG LAIN A

lwn.

JURUTERA KONSULTANT (SEA) SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR B
WAN ADNAN MUHAMAD H
[GUAMAN NO: S2-22-682-1998]
16 JULAI 2007

PROSEDUR SIVIL: *Penggantungan pelaksanaan - Penghakiman terus - Prinsip - Keadaan luar biasa, prejudis, imbangan keadilan - Penggantungan sementara menunggu pelupusan tuntutan balas di mahkamah bicara - Penghakiman telah disah oleh Mahkamah Persekutuan - Sama ada permohonan tidak bermerit - Sama ada tidak wujud halkeadaan luar biasa* C

Plaintif pertama, pengarah urusan defendan-defendan, telah dihalang oleh defendan-defendan dari memasuki pejabatnya bagi menjalankan tugasnya. Berikutan itu, pihak-pihak telah memfail tuntutan terhadap satu sama lain. Pihak-pihak kemudian memeterai satu perjanjian penyelesaian bagi menyelesaikan pertikaian. Namun, perjanjian tersebut gagal dilaksanakan, sekaligus mencetuskan pertikaian yang lebih kompleks di antara mereka di mana plaintif-plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan-defendan dan defendan-defendan juga memfail tuntutan balas berasaskan perjanjian penyelesaian ('tindakan asal'). Tindakan asal telah didengar oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam, di mana mahkamah tersebut telah memberikan penghakiman terus dan muktamad kepada plaintif-plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan. Di Mahkamah Rayuan, defendan-defendan berjaya mengenepikan penghakiman terus ini, namun, di peringkat rayuan selanjutnya, Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan plaintif-plaintif, sekaligus memutuskan bahawa pihak-pihak adalah terikat dengan kl. (A)13 perjanjian penyelesaian dan mengekalkan penghakiman tindakan asal Mahkamah Tinggi Shah Alam. D E F G

Tidak berpuas hati, defendan-defendan membuat permohonan di Lampiran 239 di sini ('L239') untuk menggantung pelaksanaan penghakiman tindakan asal berkenaan. Defendan-defendan berhujah bahawa penggantungan pelaksanaan harus dibenarkan, antara lain, kerana: (i) jumlah tuntutan balas mereka berdasarkan peruntukan perjanjian penyelesaian melebihi jumlah penghakiman yang diperolehi oleh plaintif; (ii) tuntutan balas hendaklah diputuskan dahulu sebelum penghakiman boleh dilaksanakan; (iii) jika permohonan L239 tidak dibenarkan, dan mereka berjaya dalam tuntutan balas, maka tuntutan balas itu akan menjadi sia-sia; (iv) terdapat keadaan luar biasa, iaitu penantian H I

A pelupusan tuntutan balas defendan-defendan; dan (v) plaintif-plaintif telah menyerahkan notis s. 218 Akta Syarikat setelah berjaya di Mahkamah Persekutuan di mana ia akan memprejudiskan defendan-defendan jika penggantungan tidak diberi.

B **Diputuskan (menolak permohonan):**

(1) Prinsip undang-undang dalam permohonan untuk penggantungan pelaksanaan sudah mantap. Pemohon hendaklah menunjukkan melalui afidavit kewujudan halkeadaan luar biasa. Dalam hal ini, kewujudan tuntuan balas tidak boleh disifatkan sebagai keadaan luar biasa (*Lim Joo Thong v. Koperasi Serbaguna Taiping Barat Bhd (diikuti)*). Selain C itu, plaintif-plaintif juga telah berjaya mendapat penghakiman hingga ke peringkat yang tertinggi, yang bermakna ia sudah muktamad dan segala proses rayuan sudah tiada lagi. Jikapun proses rayuan masih wujud, ia bukan asas untuk penggantungan (*Kosma Palm Oil Mill* D *Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd (diikuti)*). (perenggan 14 & 15)

(2) Pelaksanaan penghakiman tidak menjejaskan tuntuan balas defendan-defendan. Selain itu, soal prejudis bukanlah perkara satu hala sahaja, kerana prejudis juga akan dialami oleh plaintif-plaintif apabila E kejayaan guaman yang diperolehi sekian lama tidak dapat dikecapi. Malah, menafikan hak plaintif-plaintif untuk melaksanakan penghakiman yang diperolehi di peringkat mahkamah tertinggi adalah satu ketidakadilan yang jelas dan ketara. (perenggan 16, 17 & 18)

F **(3)** Kes-kes yang dikemukakan oleh defendan-defendan bagi menyokong permohonan adalah mengenai permohonan sementara menanti keputusan rayuan. Permohoan defendan-defendan di sini ialah untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman berteraskan tuntutan balas defendan-defendan yang masih belum diputuskan oleh mahkamah ini. Dengan kata lain, ia bukan rayuan yang masih belum diputuskan. G Oleh yang demikian, persoalan kemenangan di peringkat rayuan menjadi sia-sia jika permohonan tidak dibenarkan adalah tidak berbangkit sama sekali. (perenggan 21)

(4) Defendan-defendan gagal menunjukkan suatu keadaan yang luar H biasa. Alasan bahawa tuntutan balas mereka adalah lebih besar daripada penghakiman yang diperolehi plaintif-plaintif bukan suatu keadaan luar biasa. Selain itu, tuntutan balas defendan-defendan tidak akan menjadi sia-sia dengan pelaksanaan penghakiman. Tuntutan balas adalah suatu tuntutan yang berlainan. Oleh itu, walaupun I pelaksanaan penghakiman plaintif dibenarkan, defendan, jika berjaya, masih boleh melaksanakan penghakiman atas tuntutan balas mereka tanpa terikat dengan penghakiman plaintif. (perenggan 23)

(5) Adalah tidak munasabah bagi plaintif menunggu pelupusan tuntutan balas defendan-defendan yang masih di peringkat mahkamah bicara. Berasaskan liku-liku sejarah guaman ini ia pasti akan diheret sehingga ke peringkat mahkamah tertinggi. Persoalannya berapa lama plaintif-plaintif harus menunggu hasil guaman mereka. Jelas bahawa imbangan keadilan adalah berpihak kepada plaintif. (perenggan 24)

(6) Notis penggulungan di bawah s. 218 adalah hak plaintif-plaintif setelah mendapat penghakiman. Ia bukan satu keadaan luar biasa kerana defendan-defendan masih boleh mempertikai notis seksyen tersebut dalam forum yang berlainan. Defendan-defendan juga tidak perlu bimbang akan digulung jika dapat menunjukkan kecairan mereka. (perenggan 27)

Kes-kes yang dirujuk:

Government of Malaysia v. Jasanusa Sdn Bhd [1995] 2 CLJ 701 SC ***(dirujuk)***
Kerajaan Malaysia v. Dato' Ghani Gilong [1995] 3 CLJ 161 FC ***(dirujuk)***
Kosma Palm Oil Mill Sdn Bhd & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd [2003] 4 CLJ 1 FC ***(diikuti)***
Lee Guat Eng v. Seet Tiam Hock [1971] 1 LNS 56 HC ***(dirujuk)***
Leong Poh Shee v. Ng Kat Chong [1965] 1 LNS 90 HC ***(diikuti)***
Lim Joo Thong v. Koperasi Serbaguna Taiping Barat Bhd [1998] 1 CLJ 947 CA ***(diikuti)***
Ming Ann Holdings Sdn Bhd v. Danaharta Urus Sdn Bhd [2002] 3 CLJ 380 CA ***(dirujuk)***
Mohamed Mustafa v. Kandasami (No 2) [1979] 1 LNS 54 FC ***(dirujuk)***
Permodalan Plantations Sdn Bhd v. Rachuta Sdn Bhd [1985] 1 CLJ 62; [1985] CLJ (Rep) 242 FC ***(dibezakan)***
Pontian United Theatre Sdn Bhd v. Southern Finance Berhad [2006] 1 CLJ 1067 CA ***(dirujuk)***
Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v. Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No 2) [1974] 1 LNS 136 FC ***(dirujuk)***
See Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn Bhd & Ors [1997] 2 CLJ 299 CA ***(dirujuk)***
Serangoon Garden Estate Ltd v. Ang Keng [1953] 1 LNS 98 HC ***(dirujuk)***
The Government of Malaysia v. Datuk Kadir Mohamad Mastan & Another Case [1993] 4 CLJ 98 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, s. 218
Rules of the High Court 1980, O. 18 r. 19, O. 47 r. 1(1)

Bagi pihak plaintif - Lee Chan Leong; T/n Chan Leong & Co
Bagi pihak defendan - Joseph Yeo; T/n Joseph Yeo

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Wan Adnan Muhamad H:

[1] Melalui suatu saman dalam kamar di Lampiran 239 defendan-defendan memohon suatu perintah bagi menggantung pelaksanaan B penghakiman yang diperolehi oleh plaintif-plaintif melalui penghakiman terus dan muktamad daripada Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam kes No. MT1-22-785-98 (tindakan asal) yang kemudiannya dipindah ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebagai kes No. S2-22-682-1998.

C **[2]** Alasan permohonan defendan-defendan di L239 seperti berikut:

(a) Berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia bertarikh 8 November 2006 yang telah mengekalkan penghakiman terus oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam, peguamcara bagi plaintif-plaintif (melalui tuntutan asal) telah mengeluarkan notis berkanun menurut D s. 218 Akta Syarikat terhadap defendan-defendan (melalui tuntutan balas).

(b) Tuntuan balas terpinda defendan-defendan (melalui tuntutan asal) yang adalah jauh substantial berbanding jumlah penghakiman terus E tersebut, kini masih menunggu pendengaran dan pelupusan dan akan dijadikan "nugatory" sekiranya penggantungan pelaksanaan penghakiman terus tersebut dan prosiding-prosiding selanjutnya tidak dibenarkan;

(c) Terdapat keadaan-keadaan khas yang membolehkan permohonan ini F dibenarkan;

(d) Tiada prejudis kepada plaintif-plaintif (melalui tuntutan asal) oleh penggantungan pelaksanaan penghakiman terus tersebut yang dipohon memandangkan ianya adalah perlu untuk memelihara G ketelusan tuntutan balas terpinda defendan-defendan (melalui tuntutan asal);

(e) Penggantungan ini akan menjimatkan masa mahkamah yang mulia ini sekiranya tuntutan balas terpinda defendan-defendan (melalui tuntutan asal) dibenarkan.

H

[3] Kedua-dua pihak telah memfailkan hujah-hujah bertulis masing-masing yang membentangkan fakta dan persoalan-persoalan mengenai prinsip undang-undang yang diterima pakai.

[4] Daripada pengamatan saya kronologi fakta kes ini mudah sahaja. I Pada pandangan saya fakta-fakta berikut tidak dipertikaikan. Fakta-fakta tersebut adalah seperti berikut:

[5] Titik permulaan pertelingkahan timbul pada 25 Oktober 1995 bila plaintif pertama (plaintif 1) yang merupakan pengarah urusan kepada defendan-defendan tidak dibenarkan akses ke pejabatnya di No. 435 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur iaitu alamat berdaftar defendan-defendan. Plaintif juga dipecat dari jawatannya sebagai pengarah dan pengarah urusan defendan-defendan. Ekoran daripada itu maka pihak-pihak memfailkan tuntutan terhadap satu sama lain. Melalui suatu surat bertarikh 6 Mei 1998 pihak defendan telah membuat tawaran penyelesaian. Kandungan surat tersebut menjadi landasan kepada suatu penyelesaian menyeluruh. Perjanjian penyelesaian (settlement agreement) diantara plaintif-plaintif dan defendan-defendan telah dipersetujui. Malangnya perjanjian penyelesaian tersebut membawa kepada pertikaian yang lebih kompleks di antara plaintif-plaintif dan defendan-defendan.

[6] Plaintif-plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap defendan-defendan dan defendan-defendan juga memfailkan tuntutan balas (tindakan asal) berasaskan perjanjian penyelesaian. Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam tindakan asal telah memberi penghakiman terus dan muktamad kepada tuntutan plaintif-plaintif dan menolak tuntutan balas defendan-defendan.

[7] Sementara itu defendan-defendan berjaya memindah tindakan asal ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menjadikan tindakan sivil S2-22-682-1998. Seperkara dengan itu plaintif-plaintif telah memohon untuk suatu perintah injunksi tetapi ditolak oleh mahkamah. Di samping itu pihak plaintif juga membuat permohonan di bawah peruntukan A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) untuk membatalkan tuntuan balas pihak defendan.

[8] Di samping itu pihak defendan juga telah menyusul suatu rayuan di Mahkamah Rayuan mengenai penghakiman terus tersebut dan berjaya mengetepikan penghakiman terus berkenaan yang diberi oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam dalam tindakan asal (MT1-22-785-98). Kejayaan pihak defendan di Mahkamah Rayuan tidak kekal. Tindak tanduk pihak defendan memakan diri apabila plaintif berjaya mendapat kebenaran Mahkamah Persekutuan untuk merayu terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang memihak kepada defendan.

[9] Mahkamah Persekutuan telah membenarkan rayuan plaintif dan memutuskan pihak-pihak terikat dengan kl. (A)13 perjanjian penyelesaian justeru itu keputusan mahkamah bicara iaitu Mahkamah Tinggi Shah Alam adalah muktamad.

[10] Kini kita telah mendapat gambaran jelas mengenai fakta latar belakang kes. Berdasarkan latar belakang tersebut pihak defendan membuat permohonan di L239 bagi peggantungan pelaksanaan penghakiman yang diperolehi oleh plaintif-plaintif daripada Mahkamah Tinggi Shah Alam yang telahpun diperakui oleh Mahkamah Persekutuan.

[11] Sekali lagi saya ingin menarik perhatian bahawa tuntutan balas defendan-defendan dalam tindakan S2-22-682-1998 (hasil pemindahan tindakan asal) masih belum diselesaikan oleh mahkamah ini. Ini adalah disebabkan oleh banyak faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan seperti tercatit dalam nota prosiding.

[12] Pada hemat saya, teras permohonan pihak defendan untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman ialah jumlah tuntutan balas mereka berdasarkan peruntukan perjanjian penyelesaian melebihi jumlah penghakiman yang diperolehi oleh plaintif. Adalah penegasan pihak defendan bahawa tuntutan balas hendaklah diputuskan dahulu sebelum pelaksanaan penghakiman plaintif. Pihak defendan juga mendakwa jika permohonan mereka di L239 tidak dibenarkan, jika mereka berjaya dalam tuntutan balas nanti ia akan menjadi sia-sia (nugatory).

[13] Dalam menyokong permohonan di lampiran 239 peguam defendan menghujahkan bahawa defendan-defendan mempunyai tuntutan balas yang besar (substantial) dan penggantungan pelaksanaan penghakiman tidak memprejudiskan plaintif-plaintif, dan jika pelaksanaan penghakiman plaintif diteruskan ia akan membahayakan (jeopardizes) tuntutan balas defendan. Peguam defendan juga menghujahkan terdapat keadaan luar biasa (special circumstances) iaitu penantian pelupusan tuntutan balas pihak defendan. Selain dari itu, pada penelitian saya, peguam defendan-defendan membangkitkan soal merit tuntutan balas mereka berdasarkan peruntukan klausa A12 perjanjian mengenai beban untuk mereka buktikan dalam perbicaraan tuntutan balas.

[14] Prinsip undang-undang dalam permohonan untuk penggantungan pelaksanaan sudah mantap. Pemohon hendaklah menunjukkan melalui affidavit kewujudan hal keadaan luar biasa (special circumstances) - (sila lihat kes *The Government of Malaysia v. Datuk Kadir Mohamad Mastan And Another Case* [1993] 4 CLJ 98). Hal keadaan luar biasa ialah sesuatu keadaan yang bukan biasa tetapi sesuatu keadaan yang luar dari biasa (sila lihat kes *Leong Poh Shee v. Ng Kat Chong* [1965] 1 LNS 90). Dalam kes *Lim Joo Thong v. Koperasi Serbaguna Taiping Barat Bhd* [1998] 1 CLJ 947, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kewujudan tuntutan balas tidak boleh disifatkan sebagai keadaan luar biasa.

[15] Saya fikir sudah memadai untuk saya membentangkan prinsip undang-undang yang relevan kepada fakta kes ini. Fakta kes ini amat jelas plaintif telah berjaya mendapat penghakiman hingga ke peringkat yang tertinggi. Ini bermakna ia sudah muktamad. Segala proses rayuan sudah tiada lagi mengenai penghakiman yang diberi kepada plaintif. Jika masih ada rayuan sekalipun ia bukan asas untuk penggantungan (sila lihat kes *Kosma Palm Oil Mill Sdn. Bhd. & Ors v. Koperasi Serbausaha Makmur Bhd* [2003] 4 CLJ 1).

[16] Daripada keterangan affidavit defendan-defendan saya tidak nampak sesuatu yang dikatakan keadaan luar biasa. Pihak defendan hanya bersahaja wujudnya keadaan luar biasa tersebut tetapi tidak dapat menunjukkan apa dia keadaan luar biasa yang dikatakan melainkan terdapat tuntutan balas. Tuntutan balas bukan suatu keadaan luar biasa (*Lim Joo Thong v. Koperasi Serbaguna Taiping Barat Bhd [supra]*) lagi pun tuntutan balas adalah tindakan berasingan. Ia boleh diputuskan tanpa bergantung kepada tindakan utama. Saya juga tidak nampak bagaimana pelaksanaan penghakiman boleh menjejaskan tuntutan balas defendan-defendan. Lain keadaannya jika permohonan dibuat oleh pihak defendan untuk penggantungan prosiding tuntutan utama plaintif supaya tuntutan balas dapat didengar bersama dengan tuntutan utama tersebut bagi menjimatkan masa dan kos. Dalam kes ini amat jelas faktanya bahawa plaintif berjaya mendapat penghakiman muktamad selepas Mahkamah Persekutuan memperakui bahawa keputusan Mahkamah Tinggi tidak boleh dirayu. Sedangkan mengikut peruntukan kl. 12 perjanjian penyelesaian, defendan hendaklah membuktikan tuntutan mereka. Ia tidak bergantung antara satu sama lain.

[17] Peguam defendan membangkitkan soal prejudis yang akan dialami oleh defendan jika pelaksanaan penghakiman diteruskan. Dengan hormatnya saya katakan soal prejudis bukan perkara satu hala sahaja, prejudis juga akan dialami oleh plaintif apabila kejayaan guaman mereka yang diperolehi sekian lama tidak dapat dikecapi.

[18] Saya berpendapat penggantungan pelaksanaan penghakiman amat prejudis kepada hak plaintif untuk mengecapi hasil guaman yang telah dimenangi. Menafikan hak plaintif untuk melaksanakan penghakiman yang telah diperolehi di peringkat mahkamah tertinggi adalah suatu penafian hak yang ketara berkeputusan kepada ketidakadilan. Asas pemapalan rasional yang saya katakan ialah jika sekalipun pihak defendan berjaya dalam tuntutan balas mereka, ia tidak akan menjejaskan penghakiman muktamad yang diperolehi oleh plaintif. Ia tetap utuh dan tiada sesiapa dapat menafikan hak plaintif dalam mendapat hasil penghakiman yang diperolehi mereka.

[19] Dalam kes *Ming Ann Holdings Sdn. Bhd v. Danaharta Urus Sdn. Bhd* [2002] 3 CLJ 380 Mahkamah Rayuan telah memutuskan (dalam bahasa Inggeris) seperti berikut:

> A successful litigant should not be deprived of the fruits of a judgment obtained in his favour, unless there are special circumstances (or special grounds) that justify a stay of execution to be granted. The special circumstances must be special, not ordinary, common or usual circumstances and that go to the execution of the judgment and not to the validity or correctness of the judgment.

[20] Dalam kes *Ming Ann Holding* tersebut Abdul Hamid Mohamad HMR (ketika itu) dengan panjang lebar memperkatakan mengenai pemakaian prinsip-prinsip undang-undang dalam permohonan penggantungan pelaksanaan. Teras penghakiman beliau ialah peri mustahaknya bagi pemohon menunjukkan kewujudan keadaan luar biasa dan bukan keadaan biasa seperti merit rayuan kes pemohon. Pendek kata kalah menang pihak-pihak tidak relevan.

[21] Dalam kes bicara tiada rayuan yang masih belum diputuskan. Rayuan plaintif telah diputus oleh Mahkamah Persekutuan yang memperakui penghakiman muktamad yang diberi kepada plaintif. Kes-kes yang dikemukakan oleh defendan ialah mengenai permohonan penggantungan sementara menanti keputusan rayuan. Oleh yang demikian persoalan kemenangan di peringkat rayuan menjadi sia-sia (nugatory) tuntutan balas defendan tidak berbangkit. Permohonan defendan ialah penggantungan pelaksanaan penghakiman plaintif berteraskan tuntutan balas defendan yang masih belum diputuskan oleh mahkamah ini. Oleh itu prinsip-prinsip undang-undang mengenai penggantungan pelaksanaan penghakiman seperti kes *Serangoon Garden Estate Ltd v. Ang Keng* [1953] 1 LNS 98, *See Teow Guan & Ors v. Kian Joo Holdings Sdn. Bhd. & Ors* [1997] 2 CLJ 299 CA; *Re Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd; Ling Beng Sung v. Kong Thai Sawmill (Miri) Sdn Bhd & Ors (No. 2)* [1974] 1 LNS 136; M*ohamed Mustafa v. Kandasami (No. 2)* [1979] 1 LNS 54; *Government of Malaysia v. Jasanusa Sdn Bhd* [1995] 2 CLJ 701 SC; *Kerajaan Malaysia v. Dato' Ghani Gilong* [1995] 3 CLJ 161 FC antara kes-kes mantap, adalah mengenai rayuan yang masih belum diputuskan.

[22] Memberi perintah penggantungan ialah budibicara saya berpandukan prinsip undang-undang terpakai (sila lihat kes *Serangoon Garden Estate Ltd v. Ang Keng (supra)*). Dalam kes *Lee Guat Eng v. Seet Tiam Hock* [1971] 1 LNS 56; iaitu otoriti yang disandarkan oleh defendan faktanya amat berbeza. Penggantungan diberi kerana penentuan mengenai prosiding A14 belum ditentukan dalam satu prosiding semasa.

Dalam kes bicara penghakiman mahkamah telah sampai ke peringkat tertinggi dan ia telah ditentukan melalui proses bicara dan rayuan yang memakan masa bertahun-tahun. Jikalah prinsip dalam kes *Lee Guat Eng (supra)* tersebut dipakai pada hemat saya adalah suatu ketidakadilan kepada plaintif. Sayugia diingatkan memberi keadilan adalah tanggungjawab mahkamah. Alasan yang diutarakan oleh pihak pemohon defendan bertentang dengan keputusan kes *Ming Ann Holdings Sdn Bhd (supra)*.

[23] Daripada fakta kes jelas defendan gagal menunjukkan wujud suatu keadaan luar biasa. Alasan yang diberi oleh defendan mengenai tuntutan balas mereka yang lebih besar daripada penghakiman yang diperolehi plaintif bukan sesuatu keadaan luar biasa. Jika saya terima saranan pihak defendan bahawa keadaan sedemikian adalah luar biasa maka sudah tentu mahkamah terpaksa memberi perintah penggantungan apabila terdapat tuntutan balas. Seperkara dengan itu atas prinsip menjadi ia sia-sia (nugatory) iaitu *ratio decidendi* kes *See Teow Guan (supra)* masih lagi tidak memihak kepada defendan. Tuntutan balas defendan tidak akan menjadi sia-sia dengan pelaksanaan penghakiman plaintif. Sayugia diingatkan tuntutan balas adalah suatu tuntutan yang berlainan. Walaupun pelaksanaan penghakiman plaintif dibenarkan, pihak defendan, jika berjaya masih boleh melaksanakan penghakiman atas tuntutan balas mereka tanpa terikat dengan penghakiman plaintif. Persoalan tuntutan balas yang lebih besar tidak berbangkit lagi. Hal keadaan yang saya katakan di atas bukan sesuatu yang luar biasa hingga menjadikan pelaksanaan penghakiman tidak sesuai, malahan penggantungan penghakiman akan lebih memprejudis kepada plaintif. Lebih-lebih lagi defendan amat lewat membuat permohonan penggantungan dan ia boleh dianggap sebagai suatu tektik menafikan hasil penghakiman yang diperolehi oleh plaintif sekian lama.

[24] Adalah tidak munasabah bagi plaintif menunggu pelupusan tuntutan balas defendan yang masih di peringkat mahkamah bicara (first instance). Jika diteliti liku-liku sejarah guaman ini saya pasti ia akan diheret sehingga ke peringkat mahkamah tertinggi. Persoalannya berapa lama plaintif terpaksa menunggu hasil guaman mereka. Atas prinsip imbangan keadilan (balance of justice) dengan jelas memihak kepada plaintif kerana ia adalah adil dan saksama untuk permohonan defendan ditolak berdasarkan fakta kes.

[25] Dalam kes *Permodalan Plantations Sdn Bhd v. Rachuta Sdn Bhd* [1985] 1 CLJ 62; [1985] CLJ (Rep) 242 mempunyai fakta berbeza. Ia melibatkan tuntutan balas dan tuntutan silang (cross claim). Ia tidak seia dan sekata seperti hujahan peguam defendan "where there is a counter claim the judgment might to be stayed". Fakta kes bicara dengan jelas

menunjukkan tidak terdapat sebarang keadaan luar biasa tetapi hanya keadaan biasa iaitu jumlah tuntutan balas yang melebihi jumlah penghakiman.

[26] Seperkara lagi ia berkisar kepada penghakiman berbentuk 'monetary' yang prinsip undang-undang sudah mantap menyatakan ia bukan suatu keadaan luar biasa yang menjadi tidak sesuai (inexpedient) dalam pelaksanaan penghakiman (sila lihat A. 47 k. 1(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT).

[27] Saya akan menyentuh hujahan pihak defendan mengenai pengeluaran notis s. 218 Akta Syarikat 1965 oleh plaintif. Peguam defendan mendakwa jika penggantungan tidak diberi ia akan memprejudiskan defendan. Pada pendapat saya pengeluaran notis di bawah s. 218 tersebut adalah hak plaintif setelah mendapat penghakiman. Ia bukan keadaan luar biasa. Lagipun pihak defendan bergantung kepada merit tuntutan balas mereka dan mempertikai perjanjian penyelesaian yang menjadi asas penghakiman plaintif. Kesemua persoalan yang dibangkit bukan keadaan luar biasa. Defendan boleh mempertikaikan notis seksyen tersebut dalam forum yang berlainan. Defendan tidak perlu bimbang jika defendan dapat menunjukkan kecairan (solvent) yang menjadi pencentus pertikaian berasaskan s. 218 berkenaan (sila lihat kes *Pontian United Theatre Sdn. Bhd. v. Southern Finance Berhad* [2006] 1 CLJ 1067). Mahkamah penggulungan tidak mungkin akan memberi perintah penggulungan terhadap defendan.

[28] Akhir sekali saya ingin menarik perhatian bahawa defendan-defendan merayu ke atas keputusan saya yang peguam mereka sendiri akur ketika berhujah bahawa keputusan permohonan di L239 amat penting bagi pihak defendan kerana ia adalah muktamad. Walau bagaimanapun alasan-alasan selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang saya beri di atas adalah teras keputusan yang saya buat pada 28 Februari 2007.